

30/03/2002

Kakitangan awam diminta tolak rasuah

SHAH ALAM, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kakitangan awam menerapkan amalan bebas rasuah dalam tugas harian bagi memastikan jentera pentadbiran berjalan lancar.

Perdana Menteri berkata, ini sekali gus menzahirkan hasrat kerajaan untuk membangunkan ekonomi sehingga mencapai taraf negara maju.

"Keberkesanan kerajaan mengatasi masalah seperti ketika negara dilanda krisis mata wang dan kemelesetan ekonomi banyak bergantung kepada kecekapan sektor perkhidmatan awam.

"Sektor awam adalah pemberi perkhidmatan kepada rakyat dan amanat itu tidak wajar dicabuli kakitangan kerajaan kerana ia bukan saja memudaratkan pentadbiran tetapi mampu memusnahkan negara jika berleluasa," katanya pada dialog bersama kakitangan Kerajaan Selangor, di sini hari ini. Beliau bersyukur walaupun wujud amalan rasuah di kalangan individu tertentu di negara ini ia belum mencapai tahap yang membimbangkan.

Dr Mahathir berkata, rasuah di negara ini masih menjadi amalan bawah meja iaitu perbuatan itu dilakukan secara terlindung dan bukannya atas meja di mana ia dilakukan secara terbuka, seperti di beberapa negara jiran sehingga mengakibatkan jentera pentadbirannya hancur dan ekonomi meleset.

Justeru, kata beliau saranan kerajaan supaya setiap kakitangan awam bersikap bersih cekap dan amanah wajar dihayati dan di guna pakai ketika melaksanakan tugas tanpa mementingkan keuntungan peribadi.

Beliau juga memberi amaran keras bahawa pengamal rasuah tidak akan diampunkan kerajaan kerana perbuatan segelintir mereka boleh menjadi punca ekonomi negara kucar kacir dan kebajikan rakyat serta masa depan negara binasa.

"Pendirian tegas kerajaan dalam menangani rasuah dan langkah yang diambil bagi memulihkan ekonomi negara mungkin berbeza daripada negara lain tetapi hakikatnya, ia berkesan serta secocok dengan budaya kerja masyarakat tempatan.

"Pada dasarnya, walaupun tidak lama dulu kita dianggap bodoh kerana enggan menerima nasihat serta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kini kemampuan kita mengatasi krisis ekonomi serantau diiktiraf dunia sedangkan jiran kita yang menerima bantuan IMF tidak begitu bernasib baik.

"Lawatan ke Jerman, Poland dan Russia baru-baru ini memberi saya banyak kefahaman mengenai pengaruh budaya kerja masyarakat terhadap jatuh bangunnya ekonomi sesebuah negara dan setakat mana peranan rakyat amat penting bagi membantu kerajaan memajukan negara," katanya.

Dr Mahathir berkata, ketiga-tiga negara Eropah itu mencatatkan tahap pembangunan yang berbeza berdasarkan budaya kerja masing-masing yang banyak bergantung kepada penerimaan rakyat terhadap cara pentadbiran dan dasar kerajaan.

Justeru, kata beliau, bangsa tidak menentukan kejayaan sesebuah negara, sebaliknya sokongan rakyat serta kaedah pentadbiran serta jentera pelaksana dasar kerajaan menjadi faktor utama dalam menentukan masa depan bangsa.

(END)